JURNAL PEMBANGUNAN SOSIAL
https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jps

How to cite this article:
Rahman, A. H. A., Majid, M. A., Bakar, S. A., & Mahmud, M. I. (2026). Cabaran pelaksanaan program pemulihan akhlak dalam kalangan pelatih remaja di pusat pemulihan akhlak di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial, 29,* 100-118. https://doi.org/10.32890/jps2026.29.8

CABARAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMULIHAN AKHLAK DALAM KALANGAN PELATIH REMAJA DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK DI MALAYSIA

(Challenges in the Implementation of Moral Rehabilitation Programmes among Adolescent Trainees in Rehabilitation Centres in Malaysia)

[1]Aisyah Humairak Abdul Rahman, [2]Marian Abd. Majid,
[3]Sahlawati Abu Bakar & [4]Mohd Izwan Mahmud
[1] Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Malaysia
[2&3]Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Malaysia
[4]Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

[1]Corresponding author: 24pi01005@postgrad.uis.edu.my

Received: 12/06/2026 Revised: 18/07/2026 Accepted: 23/07/2026 Published: 31/07/2026

ABSTRAK

Pusat pemulihan akhlak memainkan peranan penting dalam menyediakan intervensi melalui pendekatan pendidikan, penjagaan, perlindungan, psikososial dan psikospiritual. Namun demikian, pelaksanaan program pemulihan berhadapan dengan pelbagai cabaran yang boleh mempengaruhi keberkesanan dan kesinambungan proses perubahan pelatih. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menghuraikan cabaran pelaksanaan program pemulihan akhlak dalam kalangan pelatih remaja di pusat pemulihan terpilih di Malaysia berdasarkan perspektif pelaksana program. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes pelbagai lokasi. Data dikumpulkan melalui temu bual separa struktur melibatkan tujuh orang informan yang terdiri daripada tenaga pengajar, pengurus, pengetua, pegawai psikologi, penolong pegawai pembangunan masyarakat dan pembantu pegawai latihan yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program pemulihan. Data temu bual ditranskripsikan secara verbatim dan dianalisis menggunakan analisis tematik. Dapatan kajian menghasilkan tiga tema utama, iaitu (i) cabaran pengurusan pusat dan kakitangan, (ii) cabaran penglibatan ibu bapa dan keluarga, dan (iii) cabaran berkaitan diri pelatih. Cabaran pengurusan merangkumi aspek pengurusan kakitangan, kawalan emosi, keyakinan diri, akses kepada perkhidmatan psikologi dan pemantauan perubahan pelatih. Cabaran keluarga pula melibatkan penerimaan, kerjasama,

komunikasi dan sokongan keluarga, manakala cabaran diri pelatih berkaitan dengan sikap, kesediaan untuk berubah serta pengalaman yang ditafsirkan oleh informan melalui kerangka spiritual. Dapatan ini menunjukkan bahawa pemulihan akhlak remaja perlu dilihat sebagai suatu ekosistem intervensi yang menghubungkan institusi, keluarga dan pelatih, bukan sebagai proses perubahan individu semata-mata. Usaha mendepani cabaran perlu diusahakan agar sahsiah dan tingkah laku pelatih remaja ini dapat kembali berfungsi secara positif dalam masyarakat.

Kata kunci: Program pemulihan, pemulihan akhlak, pelatih remaja, pusat pemulihan.

ABSTRACT

Moral rehabilitation centres play an important role in providing interventions through educational, care, protection, psychosocial, and psychospiritual approaches. However, the implementation of rehabilitation programmes faces various challenges that may affect the effectiveness and sustainability of trainees' behavioural change. Therefore, this study aims to identify and describe the challenges in implementing moral rehabilitation programmes among adolescent trainees in selected rehabilitation centres in Malaysia from the perspective of programme implementers. This study employed a qualitative approach using a multiple-site case study design. Data were collected through semi-structured interviews involving seven informants, comprising an instructor, a manager, principals, a psychologist, an assistant community development officer, and an assistant training officer who were directly involved in the implementation of rehabilitation programmes. The interview data were transcribed verbatim and analysed using thematic analysis. The findings revealed three main themes: (i) challenges related to centre management and staff, (ii) challenges related to parental and family involvement, and (iii) challenges related to the trainees themselves. Management-related challenges encompassed staff management, emotional regulation, self-confidence, access to psychological services, and the monitoring of trainees' progress. Family-related challenges involved parental acceptance, cooperation, communication, and family support, while trainee-related challenges concerned attitudes, readiness to change, and experiences interpreted by the informants within a spiritual framework. The findings indicate that adolescent moral rehabilitation should be understood as an intervention ecosystem that connects rehabilitation institutions, families, and trainees rather than merely as an individual process of change. Therefore, concerted efforts are required to address these challenges to support the development of positive character and behaviour among adolescent trainees and facilitate their successful reintegration into society.

Keywords: *Rehabilitation programme, moral rehabilitation, adolescent trainees, rehabilitation centres*.

PENGENALAN

Isu penglibatan remaja dalam pelbagai bentuk masalah sosial dan jenayah juvana semakin mendapat perhatian serius di Malaysia. Golongan remaja merupakan aset penting dalam pembangunan negara, namun peningkatan kes salah laku dan jenayah yang melibatkan golongan ini menunjukkan wujudnya cabaran dalam aspek pembentukan sahsiah dan kesejahteraan sosial generasi muda. Statistik jenayah negara menunjukkan bahawa nisbah jenayah indeks di Malaysia meningkat daripada 146 kes bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2022 kepada 149 kes pada tahun 2023 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024). Walaupun statistik tersebut menggambarkan keadaan jenayah secara umum dan tidak boleh ditafsirkan secara langsung sebagai statistik jenayah juvana, peningkatan berkenaan menunjukkan bahawa isu jenayah dan kesejahteraan sosial masih memerlukan perhatian yang berterusan.

Dalam konteks jenayah juvana, data Polis Diraja Malaysia menunjukkan sebanyak 5,633 kes juvana direkodkan di seluruh negara antara tahun 2023 hingga Jun 2025. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,006 kes direkodkan pada tahun 2023 dan meningkat kepada 2,442 kes pada tahun 2024 (Tarmidzi, 2025). Situasi ini menunjukkan bahawa penglibatan remaja dalam salah laku dan jenayah masih merupakan isu sosial yang signifikan serta memerlukan tindakan yang sistematik melalui pendekatan pencegahan, intervensi dan pemulihan.

Kerentanan remaja terhadap salah laku turut berkait dengan karakteristik perkembangan mereka. Usia remaja merupakan fasa perubahan yang kompleks daripada zaman kanak-kanak kepada alam dewasa yang melibatkan perkembangan fizikal, emosi, sosial dan kognitif. Menurut Umami (2019), remaja sering berhadapan dengan konflik identiti, kecelaruan emosi dan pengaruh rakan sebaya yang kuat sehingga menjadikan mereka lebih mudah terdedah kepada tingkah laku negatif. Asalal dan Khairul Azhar (2025) turut menjelaskan bahawa golongan berusia antara 10 hingga 24 tahun memerlukan perhatian terhadap pelbagai aspek perkembangan, termasuk keberadaan dan keadaan emosi mereka. Amir dan Abdul Aziz (2019) mendapati bahawa pendapatan keluarga, hubungan kekeluargaan dan pengaruh rakan sebaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat remaja untuk lari dari rumah. Dapatan tersebut menunjukkan kepentingan memberikan perhatian kepada konteks keluarga dan hubungan sosial dalam memahami tingkah laku berisiko remaja.

Sehubungan itu, pelbagai inisiatif pemulihan telah dilaksanakan bagi membimbing remaja yang terlibat dalam salah laku sosial dan jenayah, termasuk melalui penubuhan pusat pemulihan akhlak. Institusi tersebut berperanan menyediakan persekitaran yang tersusun bagi membimbing dan membentuk semula sahsiah, nilai moral serta tingkah laku remaja. Program yang dilaksanakan di pusat pemulihan akhlak menjadi medium intervensi yang memberi peluang kepada pelatih membina semula sahsiah, nilai moral dan kemahiran sosial yang positif supaya mereka dapat kembali berfungsi secara konstruktif dalam masyarakat (Pauzi et al., 2016). Justeru, pemulihan tidak seharusnya difahami sebagai proses kawalan tingkah laku semata-mata, tetapi sebagai proses pembangunan individu yang melibatkan dimensi psikologi, sosial, spiritual dan kemahiran.

Pendekatan pemulihan yang memberi perhatian kepada pembangunan sahsiah dan intervensi sosial penting dalam mengurangkan risiko pengulangan salah laku serta meningkatkan peluang remaja menjalani kehidupan yang lebih produktif selepas keluar daripada institusi pemulihan. Dalam hal ini, program pemulihan perlu mengambil kira keadaan psikologi remaja melalui penyediaan sokongan emosi, kaunseling dan bimbingan yang bersesuaian bagi membantu mereka membina konsep diri yang positif, kestabilan emosi serta keyakinan untuk kembali kepada masyarakat. Zaini et al. (2025) mendapati bahawa pendekatan psikologi dakwah merupakan antara medium penting dalam proses pemulihan pelatih remaja perempuan di Asrama Bahagia kerana mengintegrasikan dimensi psikologi dengan nilai-nilai Islam. Pendekatan sedemikian memberikan perhatian kepada aspek rohani dan emosi remaja, bukan sekadar kawalan disiplin (Umami, 2019).

TINJAUAN LITERATUR

Sorotan kajian terdahulu memperlihatkan empat pendekatan utama dalam program pemulihan remaja, iaitu kerohanian dan keagamaan, psikologi dan kaunseling, latihan vokasional serta pembangunan sosial. Keempat-empat pendekatan ini mempunyai penekanan yang berbeza, namun saling melengkapi dalam menyokong perubahan pelatih. Pendekatan kerohanian menumpukan pembentukan nilai dan kesedaran dalaman, manakala pendekatan psikologi memberikan perhatian kepada keperluan emosi dan kesediaan

untuk berubah. Latihan vokasional dan pembangunan sosial pula menghubungkan proses pemulihan dengan pembinaan kemahiran serta persediaan pelatih untuk menjalani kehidupan dalam masyarakat (Esa et al., 2014; Ibrahim et al., 2020; Zaini et al., 2025).

Dalam dimensi kerohanian dan keagamaan, persamaan utama antara pendekatan yang dibincangkan ialah penekanan terhadap bimbingan agama sebagai asas pembentukan sahsiah. Walau bagaimanapun, penekanan tersebut diterjemahkan melalui bentuk pelaksanaan yang berbeza, termasuk program pendidikan agama, penerapan prinsip menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, serta penyucian jiwa melalui tazkiyat al-nafs (Esa et al., 2014; Noor Hafizah, 2016; Wan Mohd Azman & Md Sham, 2024). Aplikasi tiga fasa pemulihan menurut al-Ghazali turut memperlihatkan usaha menyusun pembinaan akhlak secara berperingkat (Mansor & Mohamad Jodi, 2020). Secara bersama, pendekatan ini meletakkan pembentukan nilai dan penghayatan agama sebagai komponen penting dalam proses perubahan diri pelatih.

Dimensi psikologi dan kaunseling pula melengkapi bimbingan kerohanian melalui perhatian terhadap pengalaman emosi serta keperluan psikologi remaja. Pertindihan kedua-dua dimensi ini dapat dilihat dalam pendekatan psikologi dakwah yang menghubungkan bimbingan berasaskan nilai Islam dengan keperluan rohani dan emosi pelatih, serta dalam penggunaan kaunseling Islam sebagai salah satu bentuk intervensi pemulihan (Ibrahim et al., 2020; Zaini et al., 2025). Hubungan tersebut menunjukkan bahawa komponen agama dan psikologi boleh dilaksanakan secara saling melengkapi, dengan bimbingan nilai disertai sokongan yang bersesuaian dengan keadaan diri pelatih.

Sementara itu, latihan vokasional dan pembangunan sosial memperluas tumpuan pemulihan kepada kemahiran praktikal serta persediaan untuk kembali menjalani kehidupan bermasyarakat. Integrasi latihan kemahiran dengan penerapan nilai Islam menunjukkan bahawa aktiviti vokasional juga boleh menjadi ruang pembinaan sahsiah, sebagaimana dibincangkan dalam pelaksanaan latihan masakan terhadap pelatih remaja (Esa et al., 2014). Penggabungan komponen kerohanian, vokasional dan pembangunan sosial dalam program pemulihan turut memperlihatkan hubungan antara pembentukan dalaman dengan keperluan kehidupan selepas pemulihan (Ibrahim et al., 2020; Azizan et al., 2022). Oleh itu, latihan kemahiran perlu difahami sebagai sebahagian daripada proses pembangunan diri yang berkaitan dengan dimensi moral dan sosial pelatih.

Secara keseluruhannya, sintesis ini menunjukkan bahawa program pemulihan remaja merangkumi komponen yang saling berkaitan, walaupun setiap pendekatan memberikan penekanan yang berbeza. Bimbingan kerohanian menyediakan asas nilai, sokongan psikologi membantu menangani keperluan emosi, manakala latihan vokasional dan pembangunan sosial menyokong persediaan kehidupan bermasyarakat. Kepelbagaian komponen tersebut seterusnya menimbulkan keperluan untuk meneliti bagaimana program diselaraskan dan dilaksanakan dalam konteks institusi, khususnya cabaran yang dihadapi oleh pelaksana ketika memenuhi keperluan pelatih.

Walau bagaimanapun, kepelbagaian program dan pendekatan tersebut tidak semestinya menjamin kelancaran pelaksanaannya. Pelaksanaan program pemulihan merupakan suatu proses yang kompleks kerana keberkesanannya dipengaruhi oleh pelbagai faktor berkaitan institusi, pelaksana, pelatih dan persekitaran sosial. Keberkesanan sesebuah program turut bergantung pada sejauh mana cabaran yang timbul sepanjang proses pelaksanaan dapat dikenal pasti dan ditangani dengan berkesan (Zitterkopf, 2019). Perbezaan konteks institusi, karakteristik pelatih, bentuk program dan pendekatan pemulihan juga menyebabkan pengalaman pelaksanaan antara pusat tidak semestinya seragam.

Kajian terdahulu telah membincangkan pelbagai aspek pemulihan remaja, termasuk kesediaan mengikuti program kerohanian, penerapan psikospiritual Islam dalam pembangunan diri serta penggunaan pendekatan psikologi dakwah dalam pemulihan tingkah laku delinkuen (Mohd Jodi & Mansor, 2019; Paad et al., 2021; Zaini et al., 2025). Penelitian terhadap faktor pelaksanaan program pemulihan akhlak turut dibincangkan oleh Pauzi et al. (2016). Berasaskan perkembangan tersebut, kajian ini memberi tumpuan khusus kepada pengalaman pelaksana dalam menghadapi cabaran pelaksanaan program pemulihan akhlak di beberapa institusi terpilih. Tumpuan ini membolehkan cabaran diteliti dalam hubungannya dengan tuntutan organisasi, keperluan pelatih dan penglibatan keluarga. Perspektif pelaksana penting kerana mereka terlibat secara langsung dalam menterjemahkan kandungan program kepada amalan pemulihan harian. Oleh itu, kajian ini berusaha memperincikan cabaran yang timbul dalam proses tersebut serta hubung kait antara faktor institusi, keluarga dan diri pelatih berdasarkan pengalaman pelaksana di lapangan.

Dalam konteks pengajian Islam, penelitian terhadap cabaran pelaksanaan juga penting bagi memahami bagaimana prinsip dakwah, pembentukan akhlak dan elemen psikospiritual diterjemahkan daripada kerangka konseptual kepada amalan pemulihan sebenar di institusi. Penelitian terhadap pengalaman pelaksana di beberapa pusat pemulihan dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang cabaran organisasi, hubungan dengan keluarga serta keperluan individu pelatih yang mempengaruhi kesinambungan proses pemulihan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menghuraikan cabaran pelaksanaan program pemulihan akhlak dalam kalangan pelatih remaja di pusat pemulihan terpilih di Malaysia berdasarkan perspektif pelaksana program.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes pelbagai lokasi bagi meneroka secara mendalam cabaran pelaksanaan program pemulihan akhlak dalam kalangan pelatih remaja di pusat pemulihan terpilih di Malaysia. Pendekatan kualitatif dipilih kerana kajian memberi tumpuan kepada pengalaman, pandangan dan interpretasi pelaksana program terhadap cabaran yang berlaku dalam konteks sebenar institusi pemulihan. Kajian kualitatif membolehkan sesuatu fenomena diterokai secara mendalam dalam persekitaran semula jadi serta memberi penekanan terhadap makna dan konteks pengalaman peserta kajian (Kriyantono, 2006; Masri, 2005).

Reka bentuk kajian kes pelbagai lokasi digunakan kerana kajian melibatkan beberapa pusat pemulihan yang mempunyai latar institusi dan struktur pengurusan yang berbeza. Reka bentuk ini membolehkan pengkaji mengenal pasti persamaan dan variasi pengalaman pelaksana program antara lokasi, seterusnya memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang cabaran pelaksanaan program pemulihan.

Lokasi Kajian dan Pemilihan Pusat

Kajian dilaksanakan di beberapa pusat pemulihan akhlak yang berada di bawah penyeliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Pusat-pusat tersebut dipilih secara bertujuan berdasarkan kriteria bahawa institusi berkenaan melaksanakan program pemulihan

terhadap pelatih remaja dan mempunyai kakitangan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan serta pelaksanaan program pemulihan.

Bagi menjaga kerahsiaan institusi dan peserta kajian, nama sebenar pusat tidak didedahkan dalam pelaporan kajian. Setiap pusat dan informan dikenal pasti menggunakan kod tertentu sepanjang proses analisis dan pelaporan data. Strategi anonimisasi ini digunakan bagi memastikan identiti institusi serta informan tidak dapat dikenal pasti melalui petikan temu bual atau maklumat latar belakang yang dilaporkan.

Seramai tujuh orang informan terlibat dalam kajian ini. Informan terdiri daripada tenaga pengajar, pengurus, pengetua, pegawai psikologi, penolong pegawai pembangunan masyarakat dan pembantu pegawai latihan yang berkhidmat di pusat-pusat pemulihan terpilih. Kesemua informan mempunyai penglibatan secara langsung dalam pengurusan atau pelaksanaan program pemulihan akhlak pelatih remaja.

Pemilihan informan dilakukan menggunakan persampelan bertujuan dengan variasi maksimum. Dari sudut homogeniti, semua informan mempunyai pengalaman langsung dalam pelaksanaan program pemulihan remaja. Walau bagaimanapun, variasi diwujudkan berdasarkan jawatan, fungsi tugas, agensi dan lokasi institusi bagi mendapatkan perspektif yang lebih pelbagai terhadap cabaran pelaksanaan program. Strategi ini membolehkan pengkaji memperoleh maklumat mendalam daripada individu yang mempunyai pengalaman langsung dengan fenomena yang dikaji. Kesemua informan kajian dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan seperti jadual 1 berikut;

Jadual 1

Pemilihan Informan secara Persampelan Bertujuan

Kod informan	Sekolah/Pusat	Jawatan
IPP1	PPPKDIM	Tenaga Pengajar
IPP2	PBRS	Pengurus
IPL3	PPASTB	Pegawai Psikologi
IPP4	PPAPB	Pengetua
IPL5	PPALS	Pengetua
IPP6	PPATSP	Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat
IPP7	PPATSP	Pembantu Pegawai Latihan

Prosedur Pengumpulan Data

Data kajian dikumpulkan melalui temu bual separa struktur. Kaedah ini dipilih kerana membolehkan pengkaji menggunakan satu set soalan panduan yang berkaitan dengan objektif kajian, di samping memberi ruang kepada informan untuk menghuraikan pengalaman, pandangan dan cabaran yang mereka hadapi sepanjang pelaksanaan program pemulihan akhlak. Temu bual dilaksanakan terhadap ketujuh-tujuh informan secara individu. Dengan persetujuan informan, setiap sesi temu bual dirakam bagi memastikan maklumat yang diberikan dapat ditranskripsikan secara tepat. Pengumpulan data dilakukan dalam suasana yang bersesuaian dengan keadaan dan kesediaan informan serta mengambil kira aspek kerahsiaan dan keselesaan peserta kajian.

Transkripsi dan Analisis Data

Semua rakaman temu bual ditranskripsikan secara verbatim sebelum proses analisis dilakukan. Data kemudiannya dianalisis menggunakan analisis tematik bagi mengenal pasti pola, subtema dan tema

utama yang berkaitan dengan cabaran pelaksanaan program pemulihan akhlak. Proses analisis melibatkan beberapa peringkat, iaitu pembiasaan pengkaji dengan keseluruhan data, penjanaan kod awal, pengelompokan kod yang mempunyai persamaan kepada subtema, pembentukan tema utama, penyemakan semula tema dengan merujuk kepada data asal serta penamaan dan pendefinisian tema akhir. Proses ini dilaksanakan secara berulang bagi memastikan setiap tema mempunyai hubungan yang jelas dengan data temu bual dan objektif kajian. Hasil analisis tematik akhirnya membentuk tema dan subtema yang menerangkan cabaran pelaksanaan program pemulihan akhlak daripada perspektif pelaksana program.

Kebolehpercayaan dan Pengesahan Data

Bagi meningkatkan kebolehpercayaan dapatan, kajian ini menggunakan semakan peserta (member checking). Selepas temu bual ditranskripsikan, transkrip dikembalikan kepada informan untuk semakan dan pengesahan terhadap ketepatan maklumat yang telah direkodkan. Informan seterusnya mengesahkan kandungan temu bual melalui borang pengesahan temu bual.

Tema dan subtema yang diperoleh daripada analisis temu bual seterusnya dikemukakan kepada tiga orang pakar yang mempunyai kepakaran dalam bidang akhlak dan moral serta pembangunan remaja, metodologi dakwah dan pembangunan insan. Semakan pakar dilakukan bagi menilai kesesuaian pengelasan data kepada tema dan subtema serta tahap persetujuan terhadap struktur tema yang dibentuk oleh pengkaji. Jadual 2 menunjukkan nilai kappa bagi tiga semakan pakar masing-masing ialah 1.00, 1.00 dan 0.72. Purata ketiga-tiga nilai tersebut ialah 0.9067, yang dibundarkan kepada 0.91. Berdasarkan skala interpretasi McHugh (2012), nilai ini berada dalam kategori persetujuan hampir sempurna. Jadual 3 menunjukkan julat interpretasi tahap persetujuan yang digunakan.

Jadual 2

Pakar dan Kepakaran bagi Tahap Persetujuan Cohen Kappa

Nama	Kepakaran	Tahap persetujuan (Cohen Kappa)
Pakar A	Akhlak & Moral, Pembangunan Remaja	1.00
Pakar B	Metodologi Dakwah	1.00
Pakar C	Pembangunan Insan	0.72
	Purata nilai Kappa	0.91

Jadual 3

Skala Persetujuan Cohen Kappa

Nilai Kappa	Tahap persetujuan
0.00–0.20	Tiada
0.21–0.39	Minimum
0.40–0.59	Lemah
0.60–0.79	Sederhana
0.80–0.90	Kuat
>0.90–1.00	Hampir sempurna

Sumber. McHugh (2012).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian berkaitan cabaran pelaksanaan program pemulihan akhlak dalam kalangan pelatih remaja di pusat pemulihan terpilih. Berdasarkan analisis tematik terhadap data temu bual, tiga tema utama telah dikenal pasti, iaitu (i) cabaran pengurusan pusat dan kakitangan, (ii) cabaran penglibatan ibu bapa dan keluarga, dan (iii) cabaran yang berkaitan dengan diri pelatih.

Tema pertama, iaitu cabaran pengurusan pusat dan kakitangan, merangkumi beberapa subtema seperti pengurusan kakitangan, kawalan emosi, keyakinan diri, akses kepada perkhidmatan psikologi serta pemantauan terhadap perubahan pelatih. Tema kedua, iaitu cabaran penglibatan ibu bapa dan keluarga, melibatkan aspek penerimaan, kerjasama, komunikasi serta sokongan keluarga terhadap proses pemulihan. Seterusnya, tema ketiga, iaitu cabaran berkaitan diri pelatih, merangkumi sikap dan kesediaan pelatih untuk berubah serta persepsi informan terhadap pengalaman yang dikaitkan dengan gangguan spiritual.

Ketiga-tiga tema ini menunjukkan bahawa cabaran pelaksanaan program pemulihan akhlak bukan sahaja berpunca daripada faktor institusi, tetapi turut dipengaruhi oleh sokongan keluarga serta keadaan dan kesediaan pelatih itu sendiri. Oleh itu, huraian dapatan berikut disusun berdasarkan ketiga-tiga tema tersebut dengan menggabungkan petikan temu bual informan, interpretasi analitik pengkaji dan perbandingan dengan literatur berkaitan bagi menjelaskan setiap cabaran secara lebih menyeluruh.

Pengurusan Pusat

Aspek pengurusan pusat mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan program-program pemulihan pelatih remaja. Namun, beberapa cabaran dihadapi dari aspek pengurusan pusat dalam pelaksanaan program pemulihan pelatih remaja. Berikut antara cabaran-cabaran yang dihadapi;

Pengurusan Kakitangan

Kakitangan di pusat pemulihan adalah individu penting yang membantu proses pelaksanaan program pembangunan akhlak remaja delinkuen. Menurut informan IPP2-PBRS iaitu:

> *"Usaha pihak di pusat pemulihan memang kena bermula daripada staf lagi. So staf yang akan menggerakkan visi dan misi di pusat pemulihan*" (IPP2-PBRS).

Kenyataan ini menunjukkan bahawa kakitangan pusat pemulihan adalah golongan yang menjadi tulang belakang atau penggerak kepada proses pelaksanaan program pemulihan di pusat. Selain itu, kesediaan kakitangan untuk menerima keadaan golongan pelatih yang diterima masuk ke pusat ini sangat penting serta mempengaruhi kelancaran program pemulihan yang dilaksanakan. Menurut informan IPP4-PPAPB:

> "*Staf ni dia datang dengan pelbagai latar belakang. Satu cabaran untuk rasionalkan macam mana untuk dia (staf) menerima keadaan pelatih tu sendiri*" (IPP4-PPAPB).

Kenyataan ini mengemukakan bahawa pihak pengetua pusat pemulihan berhadapan dengan cabaran dalam aspek kesediaan kakitangan menerima keadaan golongan pelatih. Selain itu, usaha memberi bimbingan kepada para pelatih memerlukan komitmen kakitangan untuk menunjukkan contoh ikutan yang baik. Contoh ikutan yang baik ini berupaya memberi kesan yang cepat kerana dapat dilihat secara

jelas dalam aplikasi kehidupan seharian. Keperluan ini turut menjadi antara cabaran di pusat pemulihan akhlak. Menurut informan IPL5-PPALS:

> "*Agak cabaran di sini di mana nak juga minta kepada kakitangan untuk tunjukkan sikap yang baik kepada anak-anak*" (IPL5-PPALS).

Kenyataan ini menunjukkan wujud cabaran dalam mempraktikkan contoh ikutan yang baik dalam kalangan kakitangan di pusat pemulihan.

Selain itu, kakitangan yang menggerakkan program di pusat pemulihan perlu bersikap bertanggungjawab, kreatif dan proaktif. Menurut informan IPP2-PBRS:

> "*Sebagai penggerak dia kena menjaga. Penggerak ni bukan kerja senang. Dia bukan kerja yang tunggu orang cakap kita kena fikir macam mana. So, design staf pun penting juga untuk menjadikan pusat pemulihan ni ada cikgu yang boleh jaga anak-anak daripada terjebak dengan maksiat*" (IPP2-PBRS).

Kenyataan yang dijelaskan oleh informan IPP2-PBRS menyatakan bahawa kakitangan di pusat pemulihan merupakan individu penting yang menggerakkan program pembangunan akhlak remaja delinkuen di pusat pemulihan akhlak. Pemantauan terhadap perubahan yang konsisten dalam pembangunan akhlak pelatih remaja penting bagi menjamin kelancaran pelaksanaan program pemulihan. Kewujudan teladan positif (qudwah hasanah) sangat penting sepanjang pelaksanaan proses bimbingan. Ini sejajar dengan kajian Zakaria dan Sarnon (2019) yang mengemukakan bahawa pekerja sosial mempunyai peranan penting dan signifikan dalam usaha membantu pemulihan dan pembangunan jati diri remaja delinkuen ke arah yang positif serta berupaya untuk mendepani cabaran kehidupan para remaja ke arah yang lebih baik dan sejahtera. Dalam kerangka dakwah, teladan kakitangan boleh difahami sebagai dakwah bi al-hal, iaitu penyampaian nilai melalui tingkah laku yang diperhatikan secara langsung oleh pelatih.

Kawalan Emosi

Staf atau kakitangan yang berada di pusat pemulihan adalah manusia biasa yang turut berhadapan dengan kesulitan mengawal emosi. Cabaran ini dinyatakan oleh informan IPL3-PPASTB:

> *"Dia punya cabaran tu macam diri sendiri pun ada pasang surutnya, bukan sentiasa hari-hari positif dan ceria, ada juga kadang-kadang dia punya mood"* (IPL3-PPASTB).

Kenyataan ini menjelaskan bahawa cabaran kawalan emosi dihadapi bukan sahaja kepada diri remaja sendiri namun kepada kakitangan yang mengurus dan melaksanakan pembangunan akhlak remaja delinkuen di pusat pemulihan. Pengurusan dan kawalan emosi yang baik dapat bantu menjayakan proses pembangunan akhlak remaja di pemulihan dengan lebih berkesan.

Keyakinan Diri

Cabaran seterusnya ialah keyakinan diri dalam kalangan kakitangan di pusat pemulihan. Informan IPP2-PBRS di atas menyatakan cabaran yang dihadapi oleh kakitangan ialah kurang keyakinan diri dalam menguruskan pelatih di pusat pemulihan akhlak. Menurut informan IPP2- PBRS:

> *"Cabaran pada diri sendiri yang rasa macam boleh ke aku buat benda ni, tapi rupanya boleh. Allah tolong je"* (IPP2-PBRS).

Kenyataan ini menjelaskan bahawa kakitangan yang mengurus program bimbingan perlu memiliki keyakinan diri. Menurut Mohd Jodi dan Mansor (2019), sikap optimis yang ditunjukkan oleh kakitangan secara tidak langsung membantu melicinkan proses pelaksanaan pengisian program yang telah dirangka. Elemen spiritual dan kepercayaan kepada Tuhan menjadi penguat semangat kakitangan di pusat pemulihan untuk terus melaksanakan program pemulihan akhlak remaja.

Kajian Bartollas dan Schmalleger (2014) mendapati pelaksanaan sesebuah program pemulihan akhlak yang efektif dipengaruhi oleh faktor sumber-sumber program seperti penglibatan pelaksana program dan sokongan pentadbir. Faktor pelaksana program atau tenaga pekerja dan sokongan pentadbir dilihat boleh menimbulkan isu dan permasalahan jika mereka tidak atau kurang memainkan peranan dalam mencapai matlamat dan objektif program pemulihan (Pauzi et al., 2016). Pelaksana atau tenaga kerja di pusat pemulihan akhlak perlu ikhlas dan sabar dalam membentuk, memulih dan membangunkan akhlak golongan remaja delinkuen ke arah yang lebih baik.

Perjawatan Pegawai Psikologi

Remaja yang ditempatkan di pusat pemulihan sangat memerlukan pelaksanaan sesi kaunseling atau khidmat pegawai psikologi. Walau bagaimanapun, pusat pemulihan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan perjawatan kaunselor atau pakar psikologi. Menurut informan IPP4-PPAPB:

> "*Cabaran dia kat sini tidak ada penjawatan untuk pegawai psikologi so, kita terpaksa pinjam ataupun terpaksa guna pakai bersama-sama dengan pegawai psikologi di JKM wilayah*" (IPP4-PPAPB).

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa akses kepada khidmat psikologi merupakan cabaran operasi bagi pusat yang dikaji. Ketiadaan pegawai psikologi tetap menyebabkan pusat bergantung pada perkongsian perkhidmatan dengan pegawai di lokasi lain. Berdasarkan persepsi informan, akses yang lebih konsisten kepada perkhidmatan psikologi atau kaunseling berpotensi menyokong proses pemulihan pelatih. Dapatan ini tidak ditafsirkan sebagai penetapan nisbah perjawatan universal, sebaliknya sebagai implikasi pengurusan yang memerlukan penelitian lanjut berdasarkan dasar dan sumber setiap institusi.

Pemantauan Perubahan Pelatih

Para pelatih remaja di pusat pemulihan akhlak mengikuti bimbingan dan didikan yang baik di pusat pemulihan. Namun, menjadi satu cabaran bagi kakitangan untuk membuat pemantauan agar perubahan tersebut berlaku secara konsisten dalam diri pelatih selepas mengikuti proses pemulihan. Informan IPP6-PPATSP menerangkan bahawa;

> *"Cabaran dekat sini adalah kita nak pastikan perubahan tu berlaku daripada negatif kepada positif secara konsisten"* (IPP6-PPATSP).

Kenyataan ini menunjukkan cabaran yang dihadapi dalam membuat pemantauan terhadap perubahan yang berlaku terhadap pelatih dalam mengikuti program pemulihan akhlak di pusat pemulihan yang berjalan secara konsisten.

Ibu Bapa dan Keluarga

Pelaksanaan program bimbingan pelatih remaja di pusat pemulihan akhlak turut menghadapi cabaran komunikasi antara pihak pusat pemulihan dengan ibu bapa sepanjang tempoh anak-anak ditempatkan di pusat pemulihan. Cabaran berkaitan ibu bapa dan keluarga dalam pelaksanaan program pemulihan akhlak ini dijelaskan satu persatu seperti berikut:

Penerimaan Ibu Bapa

Aspek penting dalam keberkesanan proses pemulihan dan pembangunan pelatih remaja ialah sikap ibu bapa yang berlapang dada menerima hakikat bahawa anak-anak mereka perlu mengikuti program bimbingan di pusat pemulihan akhlak. Kajian mendapati terdapat segelintir ibu bapa yang tidak dapat menerima apa yang disampaikan oleh pihak pusat pemulihan berkaitan perkembangan anak mereka. Ini dinyatakan oleh IPP2-PBRS iaitu:

> "*Cabaran untuk memberitahu kepada keluarga bahagian tindakan pihak mereka*" (IPP2-PBRS).

Kenyataan ini menunjukkan wujud cabaran sikap ibu bapa yang tidak memberikan kerjasama yang baik kepada pengurusan pusat pemulihan akhlak. Proses mendidik, membimbing, membentuk dan memulihkan akhlak pelatih remaja memerlukan sokongan peranan dan kerjasama semua pihak terutamanya ibu bapa. Menurut informan IPP4-PPAPB:

> "*Ibu bapa ada juga yang tak memberi kerjasama*" (IPP4-PPAPB).

Kenyataan di atas menjelaskan bahawa pusat pemulihan berhadapan dengan sikap sebahagian ibu bapa yang tidak memberi kerjasama. Selain itu, terdapat ibu bapa yang melanggar perjanjian yang telah dipersetujui sebelum menghantar anak mereka mengikuti program pemulihan di pusat. Informan IPP1-PPPKDIM menjelaskan;

> *"Masalahnya ada sangat banyak parent yang bila anak dah masuk, nampak anak dah ada perubahan so, dia nak break the agreement tu sendiri"* (IPP1-PPPKDIM).

Informan IPP1-PPPKDIM menjelaskan berkaitan cabaran yang dihadapi apabila sebahagian ibu bapa yang tidak memberi kerjasama yang baik dengan pihak pusat pemulihan. Perkara ini berlaku apabila ibu bapa mendapati anak-anak yang ditempatkan di pusat pemulihan telah menunjukkan perubahan yang baik setelah melalui proses pemulihan. Perubahan tersebut membuatkan pihak ibu bapa ingin mengeluarkan anak-anak serta merta daripada pusat pemulihan. Namun begitu, perkara yang dilakukan oleh ibu bapa adalah salah kerana telah melanggar perjanjian seperti yang telah dimaklumkan oleh pihak pusat pemulihan pada awal proses kemasukan anak-anak ke pusat pemulihan. Tempoh penempatan pelatih adalah tertakluk pada perintah, jenis institusi dan peraturan yang berkuat kuasa; oleh itu, tempoh tertentu tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pusat pemulihan. Tindakan daripada pihak ibu bapa yang tidak memberikan kerjasama baik kepada pusat pemulihan membantutkan proses pemulihan dan pembangunan jati diri anak-anak.

Sokongan Ibu bapa dan Ahli Keluarga

Sokongan ahli keluarga menjadi aspek utama dan penting bagi menjayakan usaha pusat pemulihan melaksanakan program pemulihan akhlak pelatih remaja di pusat pemulihan. Menurut informan IPL5-PPALS:

> *"Selalu intervensi kepada kanak-kanak tersebut dan ibu bapa tetapi tidak kepada seluruh keluarga sepatutnya satu keluarga tu kena diberi intervensi macam mana keadaan kanak-kanak dan apa kehidupan satu keluarga yang terbaik dekat situ"* (IPL5-PPALS).

Kenyataan informan IPP1-PPPKDIM ini menjelaskan kepentingan sokongan ibu bapa dan keluarga dalam pelaksanaan proses pemulihan akhlak pelatih remaja di pusat pemulihan akhlak:

> "*Jadi anak ni dia memang dah nak berubah, bila dia diungkit dia akan patah semangat. Jadi, kadang-kadang dia kebanyakan ayat yang keluar aku dah cuba nak berubah tapi kau nak patahkan semangat aku. Kalau macam tu, biar aku jadi jahat betul. Dia seolah-olahnya nak menghalalkan niat dia nak jadi jahat sebab parents tak support*" (IPP1-PPPKDIM).

Ini selari dengan dapatan yang disampaikan oleh IPP7-PPATSP:

> "*Paling penting pada saya, ibu bapa, penjaga sangat perlu memainkan perananlah sebenarnya. Contoh, bila anak bermasalah dihantar ke pusat pemulihan akhlak tidak bermaksud ibu bapa tak ada peranan di situ, mereka perlu tetap memberi sokongan semasa menjalani pemulihan itu. Dan apa persediaan ibu bapa bila anak tu keluar daripada pusat pemulihan kepada kesinambungan untuk anak terus berubah ke arah yang lebih baik*" (IPP7-PPATSP).

Berdasarkan daripada temu bual di atas, dapat dilihat bahawa sokongan ibu bapa dan keluarga sangat penting dalam proses pemulihan akhlak pelatih remaja. Sikap ibu bapa yang pelbagai ragam merupakan cabaran yang perlu ditempuhi oleh pihak pusat pemulihan. Ibu bapa perlu menjalinkan hubungan dan kerjasama yang baik bersama pihak pusat pemulihan bagi membantu memudahkan proses pemulihan dan pembangunan jati diri remaja delinkuen (Asalal & Khairul Azhar, 2025). Dapatan ini menegaskan bahawa kefungsian ibu bapa dan keluarga merupakan unsur penting dalam menyokong perubahan remaja, khususnya melalui komunikasi, penerimaan dan kesinambungan sokongan selepas intervensi institusi.

Di samping itu, ibu bapa seharusnya memberi sokongan yang padu dalam usaha anak-anak untuk berubah ke arah yang lebih baik. Sebaliknya, sikap ibu bapa yang suka mengungkit kisah lampau boleh menyebabkan anak-anak patah semangat untuk terus berubah ke arah yang lebih baik. Menurut Aini et al. (2024), corak komunikasi ibu bapa dengan anak-anak menentukan iklim keluarga sama ada cenderung ke arah positif atau sebaliknya. Ketiadaan sokongan ibu bapa berpotensi menjejaskan motivasi anak-anak untuk berubah serta kesinambungan proses pemulihan

Ibu bapa perlu meningkatkan pengetahuan dan penghayatan agama agar dapat membimbing anak-anak secara berterusan. Bimbingan tersebut merangkumi pengukuhan akidah, termasuk menjauhi perbuatan syirik, memahami bahawa setiap amalan dicatat oleh malaikat serta menyedari bahawa manusia akan dipertanggungjawabkan atas perbuatannya di akhirat. Pendidikan agama dalam keluarga turut melibatkan usaha memupuk kecintaan kepada Nabi Muhammad SAW, membimbing pembacaan al-Quran dan membiasakan pelaksanaan solat fardu sejak kecil. Dalam pembentukan akhlak, ibu bapa berperanan mendidik anak-anak supaya bertolak ansur, membantu golongan yang memerlukan, melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Bimbingan ini perlu disampaikan melalui nasihat pada waktu dan dalam keadaan yang sesuai, perbincangan sebelum membuat keputusan serta doa yang berterusan untuk kesejahteraan anak-anak (Hamjah et al., 2020).

Dalam konteks pemulihan akhlak remaja, prinsip tersebut dapat dijadikan panduan untuk memperkukuh peranan keluarga sepanjang proses perubahan anak-anak. Ibu bapa perlu memberikan teladan, sokongan emosi dan bimbingan agama yang bersesuaian dengan keadaan remaja. Penglibatan ini berpotensi menyokong kesinambungan pendidikan dan nilai yang diterapkan di pusat pemulihan apabila pelatih kembali kepada keluarga.

Komunikasi yang tidak lancar antara pihak pengurusan pusat pemulihan dan ibu bapa akan melambatkan proses pembangunan jati diri remaja. Kesan daripada sikap segelintir ibu bapa yang tidak terbuka dan tidak mahu menjalinkan kerjasama ini menjejaskan perkembangan dan pemulihan anak-anak, terutamanya remaja yang berada di pusat pemulihan. Komunikasi yang positif dan berkesan ialah asas keluarga berfungsi dengan baik. Apabila ibu bapa berfungsi dan memberikan kerjasama yang baik dengan pihak pusat pemulihan, maka segala permasalahan akan dapat diselesaikan dengan mudah dan memfokuskan kepada pembangunan serta pembinaan jati diri remaja ke arah kehidupan yang lebih baik.

Menurut Zolkanain dan Yusof (2020), remaja yang bertingkah laku delinkuen ini merupakan remaja yang hadir dari latar belakang keluarga yang mempunyai masalah kendiri, tidak mampu berkomunikasi dengan baik, tidak mempunyai hubungan kasih sayang ibu bapa dan sebagainya, sedangkan komunikasi yang baik mampu menzahirkan kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak, selain ia dapat membantu ibu bapa mengetahui perkara berkaitan dengan anak-anak (Aini et al., 2024).

Ibu bapa perlu mewujudkan hubungan yang erat bersama anak-anak di samping membina komunikasi yang mesra agar anak-anak dapat menjadikan mereka sebagai teman baik dan tempat meluahkan masalah. Ibu bapa juga perlu sentiasa bersikap terbuka, bersedia mendengar segala keluhan anak-anak di samping membimbing mereka untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dengan berkesan (Bohari & Mohd Yusof, 2020).

Diri Pelatih

Sikap dan kesediaan pelatih untuk berubah merupakan antara cabaran dalam pelaksanaan program pemulihan akhlak. Berdasarkan pengalaman informan, sebahagian pelatih bertindak tanpa mempertimbangkan kesan atau implikasi tindakan mereka. Sebahagian pelatih juga menganggap tindakan tersebut betul walaupun bertentangan dengan peraturan atau nilai yang diterapkan di pusat pemulihan. Keadaan ini menunjukkan cabaran pelaksana dalam membimbing pelatih menilai tindakan dan akibatnya. Informan IPP2-PBRS menjelaskan:

> "*Anak sekarang yang tidak tahu adab tu bagaimana*" (IPP2-PBRS).

Kenyataan ini menunjukkan bahawa adab dalam diri remaja hari ini semakin pudar. Masalah sikap ini menjadi cabaran yang merencatkan proses pemulihan akhlak pelatih remaja di pusat pemulihan. Sikap ini menyebabkan para pelatih remaja sukar menerima segala nasihat dan teguran agar mereka melakukan perubahan diri ke arah yang lebih baik. Perkara yang sama turut dinyatakan oleh informan IPP6-PPATSP iaitu:

> "*Budak-budak ni dah besar dan susah sikit nak berubah, susah jugalah, kadang kita jadi stres sebab perangai dia orang ni*" (IPP6-PPATSP).

Sebahagian pelatih sukar untuk membezakan antara perkara yang baik dengan perkara yang tidak baik. Ini berlaku kerana sudah terbiasa hanya memikirkan keseronokan tanpa memikirkan kemudaratan atau akibat sesuatu perkara yang dilakukan. Informan IPP2-PBRS menjelaskan bahawa:

> "*Cabaran sekarang ialah bila anak-anak sekarang dia tidak tahu apa yang dia orang buat betul-betul salah walaupun dia salah tapi buat ja lah sampai mudarat*" (IPP2-PBRS).

Golongan remaja selalunya melakukan tindakan tanpa memikirkan kesan atau implikasi tindakan yang dilakukan. Berdasarkan pengalaman informan, sebahagian pelatih menganggap tindakan mereka betul walaupun bertentangan dengan peraturan atau nilai yang diterapkan di pusat pemulihan. Remaja memiliki sikap ingin mencuba sesuatu yang baru. Mereka masih mencari identiti diri mereka yang sebenar dan akan terus mencuba. Peringkat ini ialah fasa mereka akan sentiasa menikmati untuk melakukan hal-hal yang baru dan tidak pernah mereka cuba. Ab Razak dan Hamjah (2018) mendapati bahawa sikap ingin mencuba merupakan antara faktor penglibatan remaja dalam gejala zina.

Realiti keadaan krisis akhlak remaja yang kritikal pada hari ini sering dipaparkan di media sosial berkaitan penglibatan golongan remaja dalam melakukan perkara-perkara di luar batasan seorang Muslim. Keadaan menjadi lebih parah apabila rakan-rakan di sekeliling mempengaruhi mereka. Menurut Mustafa et al. (2016) faktor luaran iaitu rakan sebaya dan keluarga yang kurang berperanan menyumbang kepada penglibatan remaja dalam salah laku sosial.

Selain cabaran sikap dan kesediaan pelatih, seorang informan turut mengaitkan pengalaman tertentu yang berlaku kepada pelatih dengan unsur mistik. Dapatan ini hendaklah difahami sebagai persepsi atau kerangka penjelasan informan dalam konteks budaya dan keagamaan, bukannya diagnosis objektif atau klinikal. Pengalaman yang melibatkan tekanan, perubahan emosi atau tingkah laku boleh mempunyai pelbagai penjelasan psikologi, sosial, perubatan dan spiritual. Oleh itu, interpretasi sedemikian memerlukan pendekatan beretika dan tidak boleh menggantikan penilaian profesional kesihatan mental. Menurut informan IPP4-PPAPB:


> "*Macam yang menerima saka daripada nenek moyang, lepas tu bila masuk kat dalam ni (pusat pemulihan) berlaku masa dia stres benda tu akan muncullah"* (IPP4-PPAPB).

Petikan tersebut memperlihatkan cara informan mentafsirkan pengalaman pelatih yang menurutnya berlaku ketika pelatih mengalami tekanan. Dalam konteks pelaksanaan program pemulihan, dapatan ini mengetengahkan cabaran pelaksana dalam memahami dan memberikan respons terhadap pengalaman serta keperluan individu pelatih. Walau bagaimanapun, keterangan informan sahaja tidak memadai untuk menentukan punca pengalaman tersebut.

Ringkasnya, ketiga-tiga tema menunjukkan bahawa cabaran pemulihan bersifat saling berkaitan. Faktor organisasi dan kakitangan mempengaruhi kualiti pelaksanaan program; sokongan keluarga menentukan kesinambungan perubahan; manakala kesediaan, pengalaman dan keperluan individu pelatih mempengaruhi respons terhadap intervensi. Rajah 1 merumuskan hubungan antara tema dan subtema tersebut.

Rajah 1

Cabaran Pelaksanaan Program Pemulihan Akhlak Pelatih Remaja



Pembentukan semula tingkah laku dan akhlak remaja yang memerlukan intervensi ialah proses yang kompleks dan beransur-ansur. Dalam perspektif pemulihan Islam, perubahan tidak hanya melibatkan pematuhan tingkah laku, tetapi turut merangkumi pembinaan kesedaran dalaman, penghayatan nilai, sokongan sosial dan pembiasaan amalan yang baik. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa proses tersebut perlu disokong oleh teladan kakitangan, kestabilan emosi pelaksana, penglibatan keluarga serta intervensi psikososial dan psikospiritual yang bersesuaian. Hal ini memperluas perbincangan pemulihan akhlak daripada penekanan terhadap individu semata-mata kepada ekosistem pemulihan yang melibatkan institusi, keluarga dan pelatih.

Strategi Mengatasi Cabaran Pelaksanaan Program Pemulihan Akhlak

Usaha menangani permasalahan sosial dan tingkah laku dalam kalangan remaja memerlukan pendekatan yang menyeluruh serta penglibatan pelbagai pihak, khususnya kerajaan, institusi pemulihan, keluarga dan masyarakat. Intervensi terhadap remaja tidak seharusnya tertumpu kepada aspek disiplin dan kawalan tingkah laku semata-mata, sebaliknya perlu memberi perhatian kepada pembentukan sahsiah, pengukuhan nilai, kesejahteraan emosi dan pembangunan sosial. Pendekatan sedemikian penting bagi memastikan proses pemulihan bukan sahaja dapat mengurangkan kecenderungan remaja terhadap tingkah laku berisiko, malah membantu mereka membina jati diri yang lebih positif dan bersedia untuk kembali menjalani kehidupan dalam masyarakat.

Pada peringkat kerajaan, pelbagai dasar dan inisiatif telah diperkenalkan bagi menangani masalah sosial dalam kalangan remaja. Perkembangan teknologi dan peningkatan penggunaan media sosial turut menuntut perhatian yang lebih serius kerana medium tersebut berpotensi memberikan kesan positif dan negatif terhadap perkembangan remaja. Mohd Hamizi dan Hamzah (2023) membincangkan manfaat media sosial sebagai medium perkongsian maklumat, pembelajaran dan dakwah, di samping risiko berkaitan keruntuhan akhlak serta jenayah siber dalam konteks masyarakat Malaysia. Sehubungan itu, pemantauan terhadap penggunaan media digital perlu diperkasakan melalui kerjasama antara kerajaan, institusi pendidikan, institusi pemulihan dan keluarga. Langkah ini penting khususnya bagi remaja dalam proses pemulihan yang memerlukan bimbingan berterusan agar penggunaan teknologi dan media sosial dapat diarahkan kepada aktiviti yang lebih positif dan membina.

Komitmen kerajaan terhadap pembentukan sahsiah generasi muda turut dapat dilihat melalui pendekatan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang memberikan penekanan terhadap aspek karamah insaniah, termasuk pembudayaan adab, akhlak dan integriti. Pendekatan tersebut bertujuan mewujudkan persekitaran pendidikan yang selamat dan harmoni di samping membendung salah laku seperti buli,

gangguan seksual, ekstremisme, gengsterisme dan vandalisme. Pelaksanaan pemantauan dengan kerjasama pihak berkuasa, program Duta Sahsiah serta pengukuhan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling menunjukkan bahawa intervensi terhadap permasalahan remaja perlu dilaksanakan secara bersepadu dan berterusan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024). Pendekatan yang sama boleh diperkukuhkan dalam konteks pusat pemulihan akhlak melalui program pembangunan sahsiah, kaunseling, pendidikan agama dan aktiviti pembentukan jati diri yang lebih sistematik.

Berdasarkan dapatan tentang cabaran penerimaan, komunikasi dan sokongan keluarga, pengkaji mencadangkan agar penglibatan ibu bapa diperkukuh sepanjang tempoh pelatih mengikuti program pemulihan. Penglibatan ini boleh dilaksanakan melalui sesi perbincangan berkala dengan pihak pusat, bimbingan keibubapaan serta penyediaan rancangan sokongan sebelum pelatih kembali kepada keluarga. Ibu bapa juga disarankan memberikan sokongan emosi dan mengelakkan tindakan mengungkit kesalahan lampau yang, menurut pengalaman informan, boleh menjejaskan semangat pelatih untuk berubah. Cadangan ini bertujuan menyokong kesinambungan bimbingan yang diberikan oleh institusi, manakala kesannya terhadap pengurangan salah laku dan risiko pengulangan memerlukan penilaian lanjut.

Sebagai peluasan kepada cadangan sokongan selepas pemulihan, pengkaji turut mencadangkan penglibatan masyarakat setempat dalam menyediakan ruang penyertaan yang sesuai kepada bekas pelatih. Aktiviti sukan, bimbingan pendidikan, program kepimpinan dan kegiatan kemasyarakatan boleh dipertimbangkan mengikut minat serta keperluan mereka. Pelaksanaan aktiviti tersebut disarankan menekankan penerimaan, penghormatan terhadap maruah individu dan kerahsiaan latar belakang pelatih. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menilai pengalaman komuniti atau mengukur stigma secara langsung. Oleh itu, keberkesanan cadangan tersebut dalam mengurangkan stigma dan membantu penyesuaian semula bekas pelatih perlu diteliti melalui kajian susulan.

Sehubungan itu, pengkaji mencadangkan pembentukan mekanisme kerjasama antara institusi pemulihan, keluarga dan pihak komuniti yang bersesuaian. Mekanisme ini boleh merangkumi perancangan sebelum pelatih keluar, penetapan pihak yang boleh dihubungi untuk mendapatkan bantuan, rujukan kepada perkhidmatan sokongan serta pemantauan susulan dengan persetujuan pelatih dan keluarga. Cadangan ini berasaskan dapatan tentang cabaran pemantauan perubahan pelatih dan keperluan sokongan keluarga yang berterusan. Pelaksanaannya perlu disesuaikan dengan sumber institusi dan keadaan setiap pelatih, manakala kesannya terhadap kesinambungan perubahan serta risiko pengulangan salah laku perlu dinilai secara sistematik.

Secara keseluruhannya, keberkesanan usaha menangani cabaran di pusat pemulihan akhlak bergantung kepada pelaksanaan strategi yang bersifat holistik, bersepadu dan berterusan. Kerajaan berperanan menyediakan dasar, sumber dan mekanisme sokongan, manakala pihak institusi bertanggungjawab melaksanakan program pemulihan yang sistematik dan bersesuaian dengan keperluan remaja. Pada masa yang sama, keluarga dan masyarakat perlu menyediakan sokongan sosial serta persekitaran yang kondusif bagi memastikan proses perubahan dapat dikekalkan. Sinergi antara semua pihak ini berpotensi memperkukuh proses pemulihan, mengurangkan risiko pengulangan tingkah laku bermasalah dan seterusnya membantu remaja membina semula jati diri serta menjalani kehidupan yang lebih positif dan produktif.

KESIMPULAN

Kajian ini mengenal pasti tiga kelompok cabaran utama dalam pelaksanaan program pemulihan akhlak pelatih remaja, iaitu cabaran pengurusan pusat dan kakitangan, cabaran penglibatan ibu bapa dan keluarga, serta cabaran yang berkaitan dengan diri pelatih. Pada peringkat institusi, isu kompetensi, kawalan emosi, keyakinan kakitangan, akses kepada khidmat psikologi dan pemantauan perubahan mempengaruhi kelancaran program. Pada peringkat keluarga, penerimaan, komunikasi, kerjasama dan sokongan berterusan menjadi faktor penting bagi kesinambungan perubahan. Pada peringkat pelatih, kesediaan untuk berubah dan keperluan individu memerlukan intervensi yang fleksibel, beretika dan sensitif terhadap konteks psikososial serta keagamaan. Sumbangan utama kajian ialah penjelasan bahawa pemulihan akhlak perlu dilihat sebagai ekosistem intervensi yang menghubungkan pelaksana, keluarga dan pelatih, bukan sebagai proses perubahan individu semata-mata. Dari sudut amalan, pusat pemulihan wajar memperkukuh pembangunan kompetensi kakitangan, mekanisme sokongan emosi, kerjasama keluarga dan akses kepada perkhidmatan psikologi, di samping mengintegrasikan elemen psikospiritual Islam secara bertanggungjawab. Kajian ini terbatas kepada tujuh informan daripada pusat terpilih dan berasaskan perspektif pelaksana program; oleh itu, dapatan tidak bertujuan digeneralisasikan kepada semua institusi pemulihan. Kajian lanjutan disarankan melibatkan pelatih, ibu bapa dan bekas pelatih, membuat perbandingan antara model institusi serta menilai kesinambungan perubahan selepas pelatih kembali ke komuniti.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) 2020. No. Geran: FRGS/1/2020/SS10/KUIS/01/1, Universiti Islam Selangor (UIS) yang bertajuk ‘Pembentukan Model Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Malaysia Menurut Perspektif Islam’.

RUJUKAN

Ab Razak, M. R., & Hamjah, S. H. (2018). Faktor zina dan kesannya dalam kehidupan remaja. *Sains Insani*, *2*(2), 1–9. https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no2.30

Aini, Z., Mohd Hamzah Murghayah, S. K., Ismail, S., Usman, A. H., & Shbair, A. (2024). Methods of communication between Muslim parents and teenagers in Malaysia. *Islamiyyat*, *46*(2), 51–65. https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2024-4602-05

Amir, N. K., & Abdul Aziz, S. F. (2019). Faktor remaja lari dari rumah dalam kalangan komuniti PPR Pantai Dalam dan Desa Rejang, Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, *3*(1), 1–8. https://doi.org/10.17576/jws.v3i1.205

Asalal, N., & Khairul Azhar, N. A. (2025). Faktor dan cabaran dalam menangani masalah sosial dalam kalangan remaja di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR): Kajian kes di Lembah Subang 1 dan Lembah Subang 2. *Jurnal Pembangunan Sosial*, *28*(1), 16-37. https://doi.org/10.32890/jps2025.28.1.2.

Azizan, N. I., Abd Majid, M., Mohamad, N., Usman, A. H., Mohd Haridi, N. H., Ismail, Z., & Abdul Rahman, A. H. (2022). Faktor penglibatan salah laku delinkuen dalam kalangan remaja: Kajian di pusat pemulihan: Factors involving the misconduct of delinquent adolescents in rehabilitation centers. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, *9*(2), 59–74. https://doi.org/10.53840/ejpi.v9i2.86

Bartollas, C., & Schmalleger, F. (2014). *Juvenile delinquency* (9th ed.). Pearson.

Bohari, M., & Mohd Yusof, F. (2020). Pendidikan keibubapaan melalui santunan fitrah Nabi Ya'qub A.S dan pendekatannya bagi menangani salah laku remaja. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies, 6*(3-2), 113–123. https://doi.org/10.11113/umran2020.6n3-2.426

Esa, A., Abd Aziz, Z. @ S. A., & Mohamad, N. H. (2014). Pengintegrasian latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam dalam kalangan remaja terlanjur di pusat pemulihan akhlak remaja. *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan, 4*(1), 47–60.

Hamjah, S. H., Zur Raffar, I. N. A., Rahman, Z. A., & Rasit, R. M. (2020). Applying spiritual aspect of parenting skills to adolescents in the family. *Afkar-Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, 22*(2), 313–346. https://doi.org/10.22452/afkar.vol22no2.9.

Ibrahim, N., Mansor, N. H., & Md Yusoff, Y. (2020). Bentuk-bentuk pemulihan akhlak bagi pesalah seks di Malaysia: Suatu sorotan literatur. *Jurnal Usuluddin, 48*(2), 1–23. https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol48no2.1.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). *Statistik jenayah, Malaysia, 2024*. https://storage.dosm.gov.my/crime/crime_2023.pdf

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024). *Laporan tahunan 2023: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025*.

Kriyantono, R. (2006). *Teknik praktis riset komunikasi*. PT Kencana Perdana.

Mansor, N. H., & Mohamad Jodi, K. H. (2020). Program pemulihan akhlak remaja bermasalah: Kajian terhadap pengalaman pelatih di pusat perlindungan terpilih. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, 7*(2), 219–234. https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/150

Masri, S. (2005). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan: Esei, proposal, tesis*. Utusan Publications.

McHugh, M. L. (2012). Interrater reliability: The kappa statistic. *Biochemia Medica, 22*(3), 276–282. https://doi.org/10.11613/BM.2012.031

Mohd Hamizi, M. A. F., & Hamzah, I. S. (2023). Penggunaan media sosial sebagai media baharu dan impaknya terhadap masyarakat Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 15*(Edisi Khas), 24–37. https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.3.2023

Mohd Jodi, K. H., & Mansor, N. H. (2019). Kesediaan remaja hamil luar nikah terhadap program kerohanian di pusat perlindungan wanita. *Islamiyyat, 41*(1), 59–68. https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2019-4001-06

Mustafa, M. N., Suandi, T., Hamzah, A., & Ismail, I. A. (2016). Fenomena delinkuen dalam kalangan remaja yang berisiko di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di luar bandar Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan, 25*(2), 10–34.

Noor Hafizah Mohd Haridi. (2016). *Program agama di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian dari aspek pelaksanaan dan keberkesanan* [Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.

Paad, N. S., Syed Muhsin, S. B., & Zainal Abidin, M. S. (2021). Implementasi psikospiritual Islam dalam pembentukan model motivasi pembangunan diri remaja: Islamic psychospiritual implementation in motivational model of adolescents' self-development. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam, 23*(2), 405–444. https://doi.org/10.22452/afkar.vol23no2.11

Pauzi, H. M., Saim, N. J., Sarnon@Kusenin, N., & Kamaluddin, M. R. (2016). Faktor-faktor pelaksanaan program pemulihan akhlak yang berkesan untuk pesalah kanak-kanak. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities, Special Issue 2*, 23–36.

Tarmidzi, U. (2025, 20 Ogos). *5,633 kes juvana direkod sejak 2023, majoriti remaja 16–18 tahun*. Media Selangor. https://mediaselangor.com/ms/2025/08/316896

Umami, I. (2019). *Psikologi remaja*. Idea Press Yogyakarta.

Wan Mohd Azman, W. N., & Md Sham, F. (2024). The effectiveness of the tazkiyat al-nafs programme in fostering religious appreciation and positive behaviour among trainees at Raudhatus Sakinah. *Al-Hikmah, 16*(2), 200–222. https://doi.org/10.17576/alhikmah.2024.1602/535

Zaini, N. A., Md Sham, F., & Abdul Jalil, S. J. (2025). Pendekatan psikologi dakwah dalam pemulihan tingkah laku delinkuen remaja perempuan: Satu kajian kes. *Al-Hikmah, 17*(1), 93–106. https://doi.org/10.17576/alhikmah.2025.1701/537

Zakaria, E., & Sarnon, N. (2019). Ketidakfungsian keluarga remaja perempuan tidak terkawal: Suatu kajian awal. *Global Journal Al-Thaqafah, 9*(3), 79–91. https://doi.org/10.7187/GJAT122019-8

Zitterkopf, J. L. (2019). *Juvenile detention center effects on futures of at-risk youth* [Unpublished doctoral dissertation]. Walden University.

Zolkanain, N. S., & Yusof, F. (2020). Hubungan kasih sayang ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Alauddin, Masjid Tanah, Melaka. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, *5*(1), 25-32. http://kuim.edu.my/journal/index.php/JSS/article/view/656.